

# KARNIVAL SUKAN ANTARA SKUADRON DAN CAWANG PU KUCHING TAHUN 2017 MELABUH TIRAI

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2393-karnival-sukan-antara-skuadron-dan-cawang-pu-kuching-tahun-2017-melabuh-tirai](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2393-karnival-sukan-antara-skuadron-dan-cawang-pu-kuching-tahun-2017-melabuh-tirai)

KUCHING, 6 Sep 17 - Majlis Penutupan Karnival Sukan Antara Skuadron dan Cawang PU Kuching bagi tahun 2017 telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, YBhg Kol Yee Yit Hong TUDM. Acara dimulakan dengan aktiviti Zumba yang disertai oleh semua peringkat pegawai dan anggota.

Seterusnya, acara terakhir yang dipertandingkan adalah road relay yang dimenangi oleh Skn 330. Sebanyak lapan acara sukan telah dipertandingkan sejak awal tahun 2017 iaitu bolasepak, sepak takraw, bola tampar, ping-pong, badminton, futsal dan bowling.

Pemenang keseluruhan acara sukan PU Kuching bagi tahun 2017 telah dimenangi oleh Skn 330 dengan jumlah mata sebanyak 65 markah diikuti tempat kedua, No 7 Skn dan tempat ketiga oleh Cawang Tadbir. Hadiah-hadiah kepada pemenang serta piala pusingan telah disampaikan oleh Komander Pangkalan.



